

18 MAR 2004

Pilihan raya-Ipoh Timor (Fokus berita)

IPOH TIMOR: KEMUNCULAN SEMULA ATAU PENGHUJUNG KARIER POLITIK KIT SIANG?

Fokus Berita Oleh: R.Lakshimi Dewi

IPOH, 18 Mac (Bernama) -- Dengan hanya tinggal tiga hari sahaja lagi

sebelum hari mengundi, soal yang sering bermain di kepala ramai pemerhati

politik kini adalah sama ada pilihan raya ke-11 kali ini akan menjadi tanda

berakhirnya karier politik Pengerusi DAP, Lim Kit Siang.

Sementara menanti jawapan itu diputuskan oleh pengundi di kawasan

Parlimen Ipoh Timur, pemindahan Lim dari Pulau Pinang untuk bertanding di

kawasan itu telah menambah kehangatan pilihan raya bukan hanya di Lembah

Kinta, malah juga di seluruh negara.

Lembah Kinta merupakan salah satu kawasan yang memiliki jumlah pengundi

Cina yang ramai dalam negara, dengan di Ipoh Timor sahaja 85 peratus daripada 73,325 pengundi di kawasan tersebut adalah dari kaum Cina.

Bagi yang melawat ke kawasan ini sejak hujung minggu lepas, suasana

kempen yang hangat bagi memancing undi di pasar-pasar serta pasar-pasar

malam, menunjukkan pertandingan antara calon Barisan Nasional dengan DAP

bagi merebut kawasan parlimen itu kini semakin bertambah sengit.

Ia merupakan pertandingan satu lawan satu antara penyandang, Thong Fah

Chong, 47, dengan Lim, 63, ekoran penarikan diri oleh anggota Majlis Tertinggi Keadilan, Dr Lee Boon Chye, yang sebaliknya akan

bertanding di

Gopeng.

Ekoran penarikan diri Dr Lee, Lembah Kinta kini sudah bersedia menyaksikan pertempuran sengit antara Thong dan Lim, yang membuat ingin

muncul semula ke Parlimen selepas kalah di Pulau Pinang pada pilihan raya

1999.

Pada hari penamaan calon, kedua-dua mereka dipetik berkata bahawa

peluang mereka adalah 50-50.

Lim bertegas: "kembalikan suara rakyat ke parlimen untuk menyuarakan

tentangan terhadap rasuah."

Tetapi apabila Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melawat Ipoh Timor pada

hari Isnin lepas, Perdana Menteri berkata: "Kami juga adalah suara rakyat."

Usaha gigih Abdullah dalam membanteras rasuah, yang antara lain menyaksikan seorang menteri dan seorang ahli korporat ternama negara didakwa di mahkamah atas tuduhan rasuah, sedikit sebanyak telah memberi

kesan negatif kepada kempen Lim.

Dengan ramai pemimpin BN dan pembangkang melawat bandar raya sejak kebelakangan ini, usaha memikat pengundi Cina kini menjadi semakin tegang dan momentumnya semakin bertambah kencang dengan tempoh berkempen semakin sampai ke penghujung.

Esok, bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad akan berada di sini untuk "sesi bertemu rakyat" pada pukul 3 petang, dan populariti beliau di kalangan masyarakat Cina telah membimbangkan pegawai-pegawai DAP.

Maklum balas yang diterima dari beberapa penduduk di sini mendapati ramai kalangan mereka masih belum punyai keputusan muktamad mengenai siapa yang hendak dipilih pada pilihan raya ini.

Semasa ada kalangan mereka berpendapat kesinambungan dalam aspek keamanan, kestabilan dan pembangunan ekonomi perlu diteruskan, ada juga yang berpendapat bahawa perlu diwujudkan sistem "check and balance" dalam kerajaan, di samping mereka yang bersimpati dengan Lim.

"Saya rasa keadaan sekarang 60-40 berpihak kepada BN.... langkah Kit Siang berpindah ke Perak adalah bersifat sementara kerana ia tidak ada tempat lain untuk dituju," kata seorang peniaga David Woo, 43.

C.H Wong, 50, seorang jurutera pula berkata walaupun DAP bertempur dengan hebat di sini, penduduk tempatan kebanyakannya lebih menghargai pembangunan dan infrastruktur yang dibawa oleh BN.

Katanya adalah sukar untuk menyatakan bagaimana majoriti pengundi akan bertindak balas kerana tempoh berkempen yang sangat singkat, tapi beliau percaya bahawa DAP akan membawa masalah tempatan dan isu-isu tertentu pada minit-minit terakhir.

"Saya juga rasa pilihan raya ini dijalankan terlalu awal... mungkin Abdullah boleh mengadakannya dalam tempoh enam bulan lagi, kerana pada ketika itu usaha beliau untuk memerangi rasuah dan melaksanakan

kerajaan

mesra rakyat akan lebih terpahat dalam fikiran rakyat," katanya.

Seorang lagi peniaga, Andrew Loo, 37, berkata beliau percaya langkah

Lim berpindah ke Ipoh Timur adalah disebabkan faktor pengundi Cina.

-- BERNAMA

LD AR AZH